



**ISMAIL (duduk, tiga dari kiri) bersama barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS-KAL yang baru bagi sesi 2012/2013.**

## Proses pengundian MPP UMS-KAL berjalan lancar

UB 27.09.2012 B3

**L A B U A N :** Proses pengundian pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sesi 2012/2013 berjalan lancar tanpa kejadian tidak diingini berlaku.

Seramai 1,751 atau 83.5 peratus pelajar turun mengundi daripada 2,097 jumlah keseluruhan pelajar yang layak mengundi dan 1,721 atau 98.29 peratus undi sah manakala 29 atau 1.66 peratus undi rosak.

Proses pengundian secara undi itu dijalankan di Dewan Theatrette dari jam 8 pagi hingga 5 petang dikendalikan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI).

Pelajar Tahun Tiga, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Al Mughni Shah Jabran Aida Rosmemenangi kerusi umum selepas mendapat 970 undi manakala pelajar Tahun Dua SPKAL, Md Najib Rubin memperolehi undi kedua terbanyak dengan 898 undi.

Md Najib kemudiannya dipilih sebagai Naib Presiden MPP KAL manakala Al Mughni sebagai Bendahari MPP KAL bagi sesi 2012/2013.

Turut bertanding bagi

kerusi umum ialah Marshela Foh yang mendapat 686 undi, Haziq Hafizuddin Tamsir (668) dan Vanessa Apinas Idris (222).

Sementara itu, pelajar Tahun Tiga, Keliana Jaflan mendapat undi terbanyak bagi kerusi SPKAL dengan 719 undi manakala kedua pelajar Tahun Dua, Mohd Aznil Ashikin Suhaili yang memperolehi 548 undi.

Keliana dipilih sebagai Exco Jabatan Perkhidmatan Pelajar manakala Mohd Aznil sebagai Exco Jabatan Kepimpinan dan Latihan.

Tiga lagi pelajar yang bertanding bagi kerusi SPKAL ialah Mohammad Asyraf Zulkifli yang mendapat 528 undi, Prem Nam Byar A/L Vasu Devan (525) dan Sivendran A/L Rajendran (466).

Manakala bagi kerusi Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), ianya dimenangi pelajar Tahun Dua, Lim Yao Li yang mendapat 249 undi bersama pemenang kedua, Yong Yoong Shin (200) dan seorang lagicalon Muhammad Mateen Mohd Sabri (193).

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali mengumumkan keputusan pemilihan MPP itu di ruang legar Bangunan Menara UMS-KAL, petang kelmarin.

Turut hadir Timbalan

Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.

Dalam ucapannya, Ismail berharap kerjasama erat pemimpin MPP yang baru dengan pengurusan universiti akan ditingkatkan demi kebaikan lebih 2,000 pelajar di UMS Labuan.

Katanya, hubungan dua yang baik dan berjalan seiring sangat diperlukan selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu pelajar diutamakan terutama dalam menyediakan pelbagai kemudahan pembangunan, infrastruktur dan fizikal.

Beliau berkata, kepimpinan MPP boleh mengadakan perbincangan dengan pengurusan kanan universiti bagi menangani dan menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi pelajar.

“Kepimpinan MPP perlu menjalankan hubungan yang baik dengan pengurusan kanan universiti agar sebarang masalah yang timbul dapat ditangani dengan sebaik mungkin melalui perbincangan dan perundingan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada pelajar,” katanya selepas mengumumkan keputusan pemilihan MPP itu.